

Headline	Sistem pendidikan tinggi perlu dinamik - Idris		
Date	31. Mar 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	16
Section	Dlm Negeri	Article Size	348 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



Sistem pendidikan tinggi perlu dinamik – Idris



JUARA Pertandingan Mencipta Robot Kebangsaan dari Universiti Multimedia Malaysia bergambar bersama selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan akhir Robocon 2008 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

BANGI 30 Mac - Sistem pendidikan tinggi perlu dinamik bagi memastikan modal insan di negara ini tidak ketinggalan dalam persaingan global, kata Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Idris Harun.

Beliau percaya, sistem pendidikan negara tidak bersifat *rigid* atau ketinggalan zaman sebaliknya sentiasa berubah selaras peredaran kemajuan dunia.

Katanya, dunia pada masa sekarang memerlukan teknologi untuk maju, oleh itu, sistem pendidikan negara dilihat akan berubah ke arah menjadikan sains dan teknologi sebagai budaya negara.

"Kita tidak boleh berubah sekelop mata untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai cara hidup kita. Ia memerlukan usaha berterusan oleh semua pihak, bukan setakat di peringkat Kementerian atau agensinya saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Robot Kebangsaan (Robocon 2008) di sini hari ini.

Menjawab soalan mengenai perubahan yang bakal dilakukan oleh peneraju baru Kementerian itu, Idris berkata, ia hanya melibatkan pelaksanaan dan pemantauan pelan strategik pengajian tinggi yang diputuskan sebelum ini.

"Kalau kita berharap dengan munculnya pemimpin baru, maka berlaku perubahan segera, ia tidak betul.

"Kita kena menghayati semangat pemimpin dulu yang mahu memajukan pendidikan tinggi negara. Saya percaya yang berubah nanti cuma pelaksanaan dasar dan pemantauannya," katanya.

Terdahulu, Idris menyampaikan hadiah kepada pemenang Robocon 2008 iaitu pasukan dari Universiti Multimedia Malaysia (MMU), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pasukan MMU yang menjadi johan menerima hadiah wang tunai RM10,000 dan hadiah khas RM3,500 sumbangan Kesatuan Penyiaran Asia Pasifik (ABU), selain memenangi anugerah Kategori Kejuruteraan Terbaik sebanyak RM2,500.

Sementara itu, pasukan UTeM pula membawa pulang hadiah RM5,000 sebagai naib johan serta anugerah Kategori Reka Bentuk Terbaik bernilai RM2,500.

Pasukan MMU akan mewakili negara di Robocon Antarabangsa 2008 yang bakal diadakan di Pune, India pada 31 Ogos ini.

Robocon 2008 bertemakan *Govinda - Touch The Sky* iaitu berdasarkan permainan semasa Festival Dahl Handi yang memaparkan mitos masyarakat India mengenai kenakalan putera raja bernama Krishna.

Dalam permainan Robocon 2008, robot yang berjaya mencapai paling banyak kotak dan bola yang diletak atas tiang, akan dikira sebagai pemenang.